

12/05/1997

Hanya sembilan perlu mesyuarat semula

KOTA BHARU, Ahad - Hanya sembilan daripada 140 cawangan Umno dalam bahagian Rantau Panjang diarah mengadakan semula mesyuarat agung masing-masing, mulai hari ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Annuar Musa, berkata keputusan itu diambil dalam mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) yang dipengerusikan Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Menurutnya, arahan itu membatalkan arahan awal Jawatankuasa Pengurusan parti supaya semua 140 cawangan Umno berkenaan mengadakan semula mesyuarat agung masing-masing apabila mesyuarat sebelum ini dikatakan tidak sah kerana tidak mengikut peraturan.

"Arahan terbaru MT itu melegakan kami kerana ia boleh mempercepatkan usaha menyelesaikan isu berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Barisan Nasional (BN) Kelantan di sini, semalam.

Rabu lalu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan parti yang dipengerusikan Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengarahkan 140 cawangan Umno dalam bahagian Rantau Panjang mengadakan semula mesyuarat agung mulai 11 Mei hingga 14 Mei, kerana mesyuarat sebelum ini tidak mengikut peraturan.

Keputusan itu diambil selepas jawatankuasa berkenaan menerima aduan daripada ahli mengenai perjalanan mesyuarat itu yang didakwa tidak sah kerana tidak mengikut peraturan.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor, diarah mengawasi mesyuarat itu dengan dibantu 10 wakil dari tujuh bahagian.

Semalam, Annuar meminta Ahmad Shahibuddin menyiapkan laporan perjalanan mesyuarat kerana ia penting sebagai maklum balas untuk dikemukakan dalam mesyuarat badan itu, jika ada perkara yang perlu diberi perhatian dan dimaklumkan kepada MT.

"Setakat ini, saya belum menerima surat rasmi daripada MT berhubung arahan terbaru itu. Kita (Badan Perhubungan Umno negeri) hanya bertanggungjawab melaksanakan tugas.

(END)